

Suami 'makan luar'?

Punca suri rumah dijangkiti HIV

Sinar Harian 12 NOV 2010 N 15 M 10

Statistik Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) terhadap kes jangkitan HIV dalam kalangan wanita menunjukkan peningkatan apabila kira-kira empat peratus yang direkodkan pada 2007 meningkat 18 peratus tahun lalu.

Jumlah peningkatan ini semestinya sesuatu yang mengejutkan kerana kebanyakan pesakit adalah kalangan suri rumah. Timbul persoalan, bagaimana suri rumah ini boleh dijangkiti? Adakah mereka mengamalkan seks bebas sebelum berkahwin? Atau adakah mereka

mendapat jangkitan HIV hasil hubungan suami isteri dengan pasangan masing-masing?

Sekiranya punca sebenar suri rumah dijangkiti HIV daripada suami, mengapa harus diteruskan perkahwinan tersebut? Adakah kerana 'cinta itu buta'? Atau kerana mahu 'sehidup semati'? Tepuk dada tanya selera.

Berdasarkan statistik KKM juga, didapati kumulatif bilangan wanita dijangkiti HIV di negara ini yang tertinggi ialah Kelantan merangkumi sebanyak 1,211 kes diikuti Johor 1,124 dan Selangor

1,107. Manakala dari segi taburan kes, lima negeri yang paling ramai melaporkan kejadian kes HIV ialah Johor (14,987), Selangor (12,224), Kelantan (10,238), Pahang (9,332) dan Terengganu (8,546).

Sempena Hari Aids Sedunia yang disambut 1 Disember lalu, wartawan Rencana Sinar Harian, **CONNIE S MONICAL dan ROSHLAWATY RAEIH** menjejaki punca sebenar merebaknya jangkitan HIV dalam kalangan suri rumah dan mengupas sejauh mana pelaksanaan program yang dijalankan itu mampu membantu mereka yang mengidap HIV.



● TIONG LAI

Komited banteras virus HIV

KERAJAAN akan memastikan program membanteras gejala HIV/Aids merangkumi pencegahan, rawatan, penjagaan dan sokongan diberikan secara saksama dan menyeluruh di samping hak-hak individu dipelihara.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, pada masa sama, kerajaan akan memastikan golongan yang amat berisiko tinggi turut diberikan perhatian sewajarnya.

Jangan abai hubungan intim

SEBANYAK 80 peratus jangkitan HIV dalam kalangan suri rumah diperoleh daripada suami atau pasangan hidup melalui hubungan sulit dengan lebih daripada satu pasangan dan melanggan pekerja seks tanpa perlindungan yang selamat.

Peningkatan jangkitan ini berlaku setiap tahun sejak 2002 iaitu sebanyak 9 peratus, 10.8 peratus pada 2004, 2006 meningkat 15 peratus dan 18 peratus pada tahun lalu.

Ketua Pengarah Lembaga

Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Datuk Aminah Abdul Rahman berkata, peningkatan ini disebabkan keruntuhan institusi kekeluargaan dalam aspek hubungan suami isteri yang tidak berdasarkan kasih sayang, sebaliknya lebih kepada keseronokan semata-mata.

"Institusi yang tidak mempunyai kesefahaman dari segi kepuasan bersama di antara suami dan isteri menyebabkan pasangan mendapatkan

kepuasan di luar, sama ada melalui hubungan sulit dan pekerja seks.

"Oleh itu, pasangan perlu ada pengetahuan tentang hubungan intim dan tidak perlu dipandang remeh, kerana keperluan naluri berlanjutan sehingga usia tua bukannya selepas mendapat anak," katanya ketika di temu bual Sinar Harian, di Kompleks Bukit Perdana, baru-baru ini.

Dalam kursus pra perkahwinan juga ada diajar tentang bab mengajar masalah

sesama isteri, termasuk HIV dan kemahiran seksualiti yang boleh diterapkan yang dapat mengelakkan penularan HIV dalam kalangan suri rumah.

Katanya, kebanyakan suri rumah tidak mengetahui mereka dijangkiti HIV, hanya mengesannya apabila menjalani pemeriksaan ante-natal (pemeriksaan untuk memohon pekerjaan), mengalami demam berpanjangan dan jangkitan lambat sembuh yang apabila diperiksa didapati positif HIV.

Beliau berkata, dari segi pemberian rawatan, kerajaan telah dan sedang berbelanja kira-kira RM32.5 juta setahun bagi memberikan rawatan serta hal-hal yang berkaitan kepada pesakit yang memerlukan rawatan antiretroviral (ARV).

"Sehingga akhir 2009, seramai 9,962 orang telah menerima rawatan ARV dan sehingga pertengahan 2010, lebih 11,000 orang telah diberikan rawatan ini berbanding sasaran sebanyak 10,000 orang," katanya yang dipetik dalam perutusan sempena Hari Aids Sedunia 2010, baru-baru ini.

Hapuskan stigma dan diskriminasi

LPPKN menyediakan perkhidmatan kesihatan dan nasihat kepada golongan yang mahu mendapatkan maklumat berhubung virus HIV.

Aminah berkata, pengetahuan tentang virus itu amat penting dan khidmat nasihat itu diberikan kerana terdapat segelintir masyarakat tidak memahami bagaimana boleh dijangkiti sedangkan mereka menjalani gaya hidup sihat.

"Memahami HIV sangat penting untuk melindungi diri, malah pemahaman terhadap virus ini juga semata-mata mahu mengurangkan stigma dan diskriminasi terhadap orang yang hidup dengan HIV," katanya.

Beliau berkata, LPPKN juga turut

melatih kakitangan para klinikal dan jururawat yang bertugas mengenai cara-cara mencegah HIV daripada dijangkiti virus berkenaan.

Katanya, golongan berkenaan terdedah kepada risiko untuk dijangkiti, misalnya proses mengambil darah pesakit, mengeluarkan jarum suntikan atau apa sahaja yang berkaitan dengannya, mengundang risiko.

"Justeru, wajar bagi mereka untuk mengetahui langkah-langkah keselamatan yang harus dilakukan bagi mengelakkan diri daripada dijangkiti virus ini," katanya.

Dalam pada itu, program pendidikan 'SMARTSTART' turut diketengahkan oleh LPPKN bagi memberi pengetahuan dan

kemahiran kepada pasangan yang baru serta akan berkahwin tentang pelbagai aspek perkahwinan dan keibubapaan.

"Dalam program ini, kita menyediakan beberapa modul berkisar alam perkahwinan. Kita juga turut menyentuh topik membina hubungan mantap dan menasihatkan pada pasangan berkenaan supaya mengelakkan diri daripada melakukan hubungan di luar perkahwinan," katanya.

Sementara itu, Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat menyediakan 19 buah rumah perlindungan di seluruh negara untuk penghidap HIV.

Mengulas pasangan yang sudah mengetahui status HIV mereka

positif, kata Aminah, mereka akan diberi kaunseling mengenai seks selamat dan pengetahuan untuk meningkatkan kesihatan diri supaya virus HIV lambat berkembang.

"Sekiranya mereka ingin meneruskan rancangan untuk berkahwin, isteri tidak digalakkan mengandung.

"Mereka dinasihati mengamalkan seks selamat dan seterusnya jika isteri mengandung, dia perlu mendapatkan rawatan mengurangkan risiko menjangkiti kandungan dan anak yang bakal dilahirkan," katanya.



Bertaubat dan muhasabah diri kepada Allah

APILA mengetahui diri menghidap penyakit Aids, janganlah mudah berputus asa dalam hidup, sebaliknya perlu muhasabah diri dan mohon pengampunan pada Allah kerana dunia ini hanya sementara dan pada-Nya kita kembali.

Pendakwah Bebas, Ustaz Wan Akashah Wan Abdul Hamid berkata, pesakit Aids perlu sentiasa muhasabah diri dengan melihat kembali pada kesilapan dan dosa yang pernah dilakukan.

"Inilah waktunya untuk menginsafi perbuatan, dosa, kesilapan atau musibah yang pernah dilakukan sebelum ini dan beringat mungkin ini balasan Allah atas segala perbuatan itu.

"Pesakit HIV juga perlu beringat bahawa dunia ini tempat ujian Allah pada umatnya, ambil kesempatan yang ada ini untuk bertaubat dan mohon pengampunan daripada Allah," katanya.

Menurutnya, jangan sesekali di antara pesakit tidak percaya pada qada dan qadar Allah kerana hukumannya adalah berdosa besar, sebaliknya bertaubatlah kepada-Nya.

"Dekatkanlah diri dengan agama dan orang-orang yang soleh serta beriman pada Allah kerana golongan ini akan sentiasa membantu dan memberikan semangat pada mereka yang memerlukan," katanya.



● WAN AKASHAH

Penyakit Aids - Sindrom kurang daya tahan melawan penyakit adalah peringkat terakhir jangkitan HIV apabila sistem daya tahan badan menjadi semakin lemah dan tidak berupaya melawan penyakit.

Virus HIV - Human Immunodeficiency Virus yang menyebabkan Aids dengan cara menyerang sel darah putih untuk merosakkan sistem kekebalan tubuh manusia dari sebarang penyakit.

Hari Aids Sedunia - Disambut pada 1 Disember setiap tahun sejak tahun 1988 untuk memupuk kesedaran mengenai wabak Aids dan memperingati mangsa-mangsa yang terkorban akibat HIV/Aids di seluruh dunia.

Tema Hari Aids Sedunia 2010 - Akses Universal dan Hak Asasi Manusia

Statistik-

- Berdasarkan statistik terkini daripada UNAIDS, 33.3 juta orang di dunia telah dijangkiti HIV dan 2.5 juta daripadanya terdiri daripada kanak-kanak.
- Mangsa majoriti terdapat di negara-negara yang berpendapatan rendah dan pertengahan.
- 50 peratus mangsa adalah anak muda yang hanya dapat hidup kira-kira 10 tahun.
- 60 peratus pekerja seks di China tidak menggunakan kondom.

Virus tidak berjangkit melalui-

- Sentuhan
- Berkongsi kemudahan awam
- Berkongsi perkakas atau makanan
- Bersin, batuk, berpeluh atau kencing
- Gigitan nyamuk

Hanya berjangkit melalui-

- Hubungan seks bebas
- Penagih berkongsi jarum dan alat suntikan
- Peminahan darah dan organ yang tercemar dengan virus HIV
- Ibu yang dijangkiti HIV kepada bayinya ketika dalam rahim, melahirkan atau sewaktu menyusu.

Tanda-tanda jangkitan HIV:- (selepas 2-6 minggu)

- Demam
- Sakit tekak dan batuk
- Sakit otot
- Sakit kepala
- Cirit-birit
- Bengkak kelenjar limfa
- Letih
- Ruam
- Sakit sendi
- Turun berat badan

Apakah gejala-gejala jangkitan HIV?

Pesakit HIV mudah untuk mendapat jangkitan kuman disebabkan sistem ketahanan badan lemah. Sekiranya tidak mendapatkan rawatan, gejala Aids akan muncul dalam 8-10 tahun

Gejala-gejala tersebut adalah seperti berikut:

- penyakit kulit dan jangkitan sistem pernafasan
- cirit-birit yang kronik, jangkitan bakteria yang teruk dan batuk kering
- jangkitan kuman pada otak (contohnya toxoplasmosis)
- jangkitan kulat (contohnya candidiasis pada saluran makanan atau sistem pernafasan)
- kanser (contohnya Kaposi's sarcoma)

Bagaimanakah untuk mengetahui sama ada dijangkiti HIV?

Ujian Antibodi HIV terdapat di mana-mana klinik atau hospital. Ujian segera (keputusan selama 10 minit) juga boleh didapati. Maklumat individu akan dirahsiakan.

- Ibu mengandung yang mendapatkan pemeriksaan di klinik ibu mengandung akan menjalani ujian antibodi HIV.

- Kaunseling sebelum dan selepas menjalani ujian akan diberikan.

Rawatan

Adakah ubat untuk menyembuhkan HIV/Aids?

Tidak, masih tiada lagi ubat untuk merawat HIV/Aids. Walau bagaimanapun, penggunaan ubat anti-virus HIV dapat melambatkan proses penyakit ini.